

# MENDEPANI EKSTREMISME: PENGAJARAN DARIPADA SEJARAH KEMUNCULAN KHAWARIJ

(*Encountering Extremism: Lesson from the History of the Emergence of Khawarij*)

Mohd Faizal Abdul Khir\*

## Abstrak

Kertas ini membincangkan tentang pengajaran yang boleh diambil daripada peristiwa- dalam sejarah Islam terawal dalam mendepani ekstremisme. Kajian ini menggunakan metode pensejarahan di samping metode perpustakaan bagi mendapatkan data. Seterusnya analisa kritis terhadap catatan sejarah dilakukan menggunakan metode induktif dan deduktif bagi merumuskan pengajaran yang boleh diambil dalam mendepani golongan ekstremisme. Pendahuluan kertas ini menyentuh tentang latar belakang permasalahan, diikuti dengan pengertian ekstremisme. Seterusnya perbincangan ditumpukan kepada ekstremisme pada zaman Nabi s.a.w. dan golongan Khawarij. Berikutnya disenaraikan beberapa pengajaran daripada sejarah yang boleh diambil dalam mendepani ekstremisme. Penilitian kertas ini mendapati bahawa golongan ekstremis perlu didepani melalui inisiatif masyarakat secara keseluruhannya. Ekstremisme juga perlu didepani melalui persepsi, perdebatan dan peperangan. Kajian ini mencadangkan agar kajian lebih dilakukan bagi meneliti dengan lebih halus elemen-elemen yang boleh dijadikan panduan dalam mendepani ekstremisme melalui perdebatan atau peperangan.

**Kata kunci:** Normatif, Ekstremisme, Metode, Perbandingan, Agama

## Abstract

This paper discusses the lessons to be learnt from the events in early Muslim history on how to confront and deal with extremism. This paper applies historiography methodology as well as the library method for data collection. Furthermore, a critical analysis on the historical record is undertaken using inductive and deductive methods to summarize lessons on how the early muslim had confronted with the extremism. It is worthy to begin with a brief explanation that touches on the background of the problem, followed by the definition of extremism. Next, the discussion is focusing on extremism at the time of Prophet s.a.w. and the Khawarij. Furthermore, the study concludes some lessons from history that can be taken in confronting extremism. This research paper found that the extremists should be encountered through the initiative of society as a whole. Extremism should also be faced through shaping the perception, arguments and physical encountering if necessary. It is proposed that further study should be done to identify the elements which can be listed as guidelines for arguments and fighting in confronting the extremism.

**Keywords:** Normative, Extremism, Metode, Comparative, Religion

## Pendahuluan

Antara isu semasa yang amat perlu untuk diberikan perhatian adalah permasalahan ekstremisme, khususnya dalam kalangan umat Islam. Ia bukan satu masalah baru tetapi berakar tunjang semenjak zaman awal Islam di mana Rasulullah s.a.w. dan para Khulafa' al-Rashidin telah berdepan dengan golongan ini. Ianya telah berkembang daripada nilai yang ada pada individu-individu tertentu kepada sebuah kumpulan yang mempunyai pemikiran, ideologi dan doktrin tersendiri. Perkembangan kecenderungan ekstremisme ini melepas ruang masa dan tempat. Ia terus berkembang dengan pelbagai bentuk dan kecenderungan tetapi masih mempunyai nilai teras yang sama iaitu ekstremisme.

Hakikatnya, ekstremisme juga melangkaui sempadan agama, ideologi, kepercayaan, geo sosial dan geo politik.<sup>1</sup> Elemen ekstremisme boleh menyusup masuk dalam semua bidang kehidupan manusia. Namun begitu, pada masa dan keadaan tertentu seperti mana yang berlaku sekarang ekstremisme dipalitkan kepada Islam sebagai

\*Mohd Faizal Abdul Khir, Pensyarah Kanan, Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia. Email: [drafaizal@kuisas.edu.my](mailto:drafaizal@kuisas.edu.my)

<sup>1</sup> Laurence R. Iannaccone and Eli Berman (t.t.) *Religious Extremism: The Good, The Bad, And The Deadly*, h. 2. Diakses daripada <http://econweb.ucsd.edu/~elib/rex.pdf>, 5 Ogos 2016.

sebuah agama. Pada peringkat global wujud istilah-istilah yang memberikan indikasi buruk kepada Islam seperti radikal Islam<sup>2</sup>, fundamentalist, dan lain-lain.

Di Malaysia, melalui beberapa peristiwa buruk yang berlaku seperti peristiwa 13 Mei, Hartal di Pulau Pinang pada tahun 1967, peristiwa Kampung Medan pada tahun 2001, sedikit sebanyak menunjukkan terdapat unsur-unsur ekstremisme yang wujud dalam masyarakat negara ini, meski pun tertumpu kepada aspek perkauman.<sup>3</sup> Walau pun ia didasari oleh perkauman namun konflik antara kaum di Malaysia dilihat sebagai konflik antara agama dan begitu juga sebaliknya. Ini adalah kerana keadaan hubungan antara etnik dan agama yang amat kuat dalam masyarakat Malaysia.<sup>4</sup> Letupan di sebuah pusat hiburan di Puchong membuka satu lebaran baru ekstremisme di Malaysia.<sup>5</sup> Ia merupakan senario yang boleh dikaitkan dengan penularan aktiviti ekstremisme yang datang dari luar sempadan Malaysia dengan bentuk yang tersusun dan berorganisasi.

Sehubungan dengan itu, usaha perlu digembeleng bagi memastikan aktiviti ekstremisme dapat dibanteras dan disebat daripada mencengkam keamanan negara. Peristiwa dan tragedi yang telah berlaku dalam sejarah umat Islam wajar untuk dikaji dan pengajaran daripadanya perlu diambil. Sejarah itu adalah putaran yang berulang.<sup>6</sup>

## Pengertian Ekstremisme

Kamus Dewan memberikan pengertian ‘ekstrem’ sebagai keterlaluan dan melampaui.<sup>7</sup> Manakala “ekstremisme pula ialah faham (sikap, perlakuan, dsb) yg ekstrem.”<sup>8</sup> Perkataan lain yang mempunyai pengertian yang hampir sama ialah agresif, ganas, radikal, melampaui batas dan keseimbangan, fundamentalis, fanatik<sup>9</sup>, taksub<sup>10</sup> dan rigid. Walaupun perkataan-perkataan ini mempunyai pengertian yang agak berbeza daripada beberapa sudut, namun perbezaannya sering diabaikan. Justeru itu, perkataan ekstremisme, fundamentalisme, revivalisme, islamisme, radikalisme, ekstremis dan militan atau seumpama dengannya sentiasa digunakan secara bergantian bagi sesetengah pihak.<sup>11</sup>

Secara mudah, ekstremisme boleh didefinisikan sebagai aktiviti-aktiviti yang meliputi kepercayaan, sikap, perasaan, tindakan dan strategi daripada seorang individu atau satu kumpulan yang jauh melepas daripada kebiasaan.<sup>12</sup> Ekstremisme juga diertikan sebagai melampaui batas dan keseimbangan apabila mentafsir dan melaksanakan sesuatu peraturan ataupun hukum secara ekstrem.<sup>13</sup>

<sup>2</sup> David Myatt (2013), Understanding and Rejecting Extremism, h. 55. Diakses daripada <http://www.davidmyatt.ws/a-rejection-of-extremism.pdf>, 8 Ogos 2016..

<sup>3</sup> Prof. Madya Dr. Mohd Roslan Mohd Nor, Ekstremisme Rentas Agama Dan Tamadun, dalam Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor (eds), Kefahaman Islam Semasa di Malaysia: Realiti dan Cabaran, Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia, h. 147. [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00009616\\_127110.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00009616_127110.pdf), 5 Ogos 2016. Lihat juga isu-isu lain dalam Abdul Salam Muhammad Shukri, *Religious Tension and Tolerance in Malaysia: A Survey of Malaysian Newspaper Reports on Religious Tension Incidents from 2004-2007* dalam Siddig Ahmad et.al. (2009), *Islam and Contemporary Muslims Challenges and Issues*, Bangi: Department of Theology and Philosophy, h. 34.

<sup>4</sup> *Ibid.*, 34.

<sup>5</sup> T.P, Letupan Pusat Hiburan di Puchong, 28 Jun 2016. Diakses daripada <http://www.bharian.com.my/node/169241> pada 23 Ogos 2016.

<sup>6</sup> "So the story of man runs in a dreary circle, because he is not yet master of the earth that holds him" Will Durant, (1961) *The Story of Philosophy*, New York: S and S Paperback, h. 54.

<sup>7</sup> Kamus Dewan Online. Diakses daripada

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=ekstrem> pada 3 Ogos 2016 .

<sup>8</sup> Kamus Dewan Online. Diakses daripada <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=ekstrem> pada 3 Ogos 2016. Dalam bahasa Arab, perkataan yang digunakan untuk memberi makna yang sama ialah *ghuluww* dan *tatarruf*.

<sup>9</sup> Fanatikisme; tindakan membuat tuli (menghampiri psikosis) dalam mengikuti dan melaksanakan sesuatu cara, pendapat dan pendekatan sendiri tanpa mempedulikan bahkan menolak sekeras-kerasnya pendapat orang lain. Lihat Mohamad Kamil Abd Majid & Rahimin Affandi Abd Rahim, Perubahan Sosial Dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun, Jurnal Hadhari Bil. 1 (2009) 50-51.

<sup>10</sup> Chauvinisme; taksub apabila menganggap fikiran atau kumpulan sendiri adalah yang terbaik, manakala fikiran atau kumpulan lain tidak benar dan mesti ditolak. Lihat Mohamad Kamil Abd Majid & Rahimin Affandi Abd Rahim, Perubahan Sosial Dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun, Jurnal *Hadhari*, Bil. 1 (2009) 50-51.

<sup>11</sup> Prof. Madya Dr. Mohd Roslan Mohd Nor, Ekstremisme Rentas Agama Dan Tamadun Prof. Madya Dr. Mohd Roslan Mohd Nor, Ekstremisme Rentas Agama Dan Tamadun, dalam Kefahaman Islam Semasa di Malaysia: Realiti dan Cabaran, T.T.P.: T. P., h. 146. [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00009616\\_127110.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00009616_127110.pdf), 5 Ogos 2016.

<sup>12</sup> Bartoli, Andrea, and P. Coleman (2003), "Dealing with extremists." *Beyond Intractability* Burgess, G., & Burgess H.,(eds) *Conflict Research Consortium, University of Colorado, Boulder*. Diakses dari <http://www.beyondintractability.org/essay/dealing-extremists>. 8 Ogos 2016.

<sup>13</sup> Mohamad Kamil Abd Majid & Rahimin Affandi Abd Rahim (2009), Perubahan Sosial Dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun, *Jurnal Hadhari*, Bil. 1, 50-51.

Dilihat kepada pengertian perkataan ini dari sudut antonim, ia merupakan pengertian yang bertentangan dengan pengertian *wasatiyyah* yang dapat difahami sebagai pendekatan yang menafikan pendekatan *ifrat* yakni rigid dan ketat serta pendekatan *tafrir* yakni longgar dan terlalu liberal.<sup>14</sup>

Walau apa pun definisi yang dikemukakan, penentuan ekstrem dan ekstremisme dipengaruhi oleh faktor luaran secara amat meluas. Bartoli, dan P. Coleman mengemukakan beberapa faktor yang mempengaruhi pengertian istilah ini antaranya orang yang menilai, kecenderungan politik, skop moral dan hubungan. Andrej pula mengemukakan beberapa faktor utama antaranya keadaan sistem politik yang tidak demokratik, budaya politik teras, sistem nilai, ideologi, objektif politik, karakter individu dan pengalamannya serta etnisiti.<sup>15</sup>

Definisi ekstremisme daripada dokumen Prevent Duty Guidance: for England and Wales secara jelas meletakkan pengaruh sistem nilai British dan demokrasi sebagai antara faktor luaran penentu bagi memahami ekstremisme. Ia menyatakan bahawa ekstremisme ialah “*vocal or active opposition to fundamental British values, including democracy, the rule of law, individual liberty and mutual respect and tolerance of different faiths and beliefs.*”<sup>16</sup>

Faktor-faktor yang dinyatakan di atas memberi kesan kepada penetapan pengertian ekstremisme atau dalam menetapkan tahap ekstremisme. Bartoli memberikan contoh yang amat mudah umpama pejuang kemerdekaan yang mengangkat senjata bagi mendapatkan kebebasan dalam sesebuah negara. Dilihat pada kaca mata orang yang memperjuangkan kemerdekaan, maka ia tidak dianggap sebagai ekstrem malahan ia adalah tindakan yang mulia. Tetapi jika dilihat dari sudut pandangan orang yang menentang perjuangan tersebut, maka perjuangan tersebut dianggap sebagai tindakan ekstremisme dan penganas.<sup>17</sup>

Dari sudut yang lain, ekstremisme tidak terhad kepada satu individu atau suatu golongan tertentu sahaja, contohnya golongan agama. Ia meliputi golongan yang tidak cenderung kepada agama seperti sekularis.<sup>18</sup> Laporan berkaitan terorisme yang dikemukakan kepada kerajaan United Kingdom secara jelas menyatakan kewujudan ekstremisme daripada individu atau golongan yang bernuansa agama, haluan kanan dan ideologi yang pelbagai.<sup>19</sup> Davies, Lynn menyenaraikan kepelbagaiannya kumpulan dalam kategori ekstremisme antaranya fascism, *skinhead* fascism, Parti Nazi, perjuangan ketuanan kulit putih, kumpulan militia, penafian terhadap Holocaust, kebencianan berkaitan bangsa, kultus keagamaan, anti homoseksual, anti Yahudi dan lain-lain.<sup>20</sup>

Ini adalah kerana faktor yang mempengaruhi ekstremisme agama juga terdapat dalam bidang-bidang lain selain agama. Ia bertepatan dengan teori yang dikemukakan oleh William Smith. Laurence menukilkan: “*In The Wealth of Nations, Smith (1965, pp. 740- 766) argued that self-interest motivates clergy just as it does secular producers; that market forces constrain churches just as they constrain secular firms; and that the benefits of competition, the burdens of monopoly, and the hazards of government regulation are as real for religion as for any other sector of the economy.*”<sup>21</sup>

Daripada perbahasan di atas, dapat dirumuskan bahawa ekstrem dan ekstremisme merupakan perkataan yang boleh ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran berdasarkan kepada faktor-faktor luaran yang mempengaruhinya

<sup>14</sup> Abdullah Md. Zain dan Khairil Annas Jusoh (2011), *Pendekatan Wasatiyyah dalam Menghayati 1Malaysia*, K.L.: MPH Group Printing, h. 51

<sup>15</sup> Sotlar, Andrej, (2004), "Some Problems With Definition And Perception Of Extremism Within Society" dalam Me ſko, G., Pagon, M., Bojan Dobov ſek (Eds.). *Policing in Central and Eastern Europe—Dilemmas of Contemporary Criminal Justice*. Ljubljana, Faculty of Criminal Justice, University of Maribor.

<sup>16</sup> Diakses daripada laman sesawang berikut:

<https://primarysite-prod-sorted.s3.amazonaws.com/woodlandacademy/UploadedDocument/e892499c9e4b4ac092f6bc9c301b00ab/ExtremismandRadicalisation.pdf>, 5 Ogos 2016.

<sup>17</sup> Bartoli, Andrea, and P. Coleman Bartoli, Andrea, and P. Coleman (2003), "Dealing with extremists." *Beyond Intractability* Burgess, G., & Burgess H.,(eds) *Conflict Research Consortium*, University of Colorado, Boulder. Diakses dari <http://www.beyondintractability.org/essay/dealing-extremists>. 8 Ogos 2016.

<sup>18</sup> Mohd Faizal Abdul Khir, Muhammad Syahid Ahmad, Mohd. Khairul Nizam Zainan Nazri (2015), Sustaining Tolerance According to Brenda Almond's "Education for Tolerance": An Analysis from Islamic Perspective. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)*, v. 20, Issue 8, Ver. V (Aug. 2015), (p-ISSN: 2279-0845). Lihat juga Brenda Almond (2010), Education for Tolerance: Cultural Difference and Family Values, *The Journal of Moral Education*, Volume 39, Number 2.

"Tackling extremism in the UK December 2013 Report from the Prime Minister's Task Force on Tackling Radicalisation and Extremism, h. 2. [https://www.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment\\_data/file/263181/ETF\\_FINAL.pdf](https://www.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment_data/file/263181/ETF_FINAL.pdf), 5 Ogos 2016.

<sup>20</sup> Davies, Lynn (2008), *Education against extremism*. Stoke on Trent, UK: Trentham Books, , h. 2. Diakses daripada <https://www.oise.utoronto.ca/cld/UserFiles/File/DAVIESeducationagainstextremism.pdf>, 8 Ogos 2016.

<sup>21</sup> Laurence R. Iannaccone and Eli Berman (t.t.) *op. cit.*, h. 2.

yang dijadikan sebagai set pengukur yang menentukannya. Seperti mana yang dibincangkan di atas, pengaruh luar itu meliputi orang yang menilai, kecenderungan politik, skop moral dan hubungan.<sup>22</sup> Sudah pasti ia boleh sahaja dalam pelbagai bentuk yang lain selari dengan perkembangan zaman. Dalam perbaasan ini, ekstremisme yang dimaksudkan ialah pemikiran atau tindakan berunsur keganasan yang berada di luar daripada batasan *wasatiyyah* yang berasaskan kepada ketetapan Nabi s.a.w. berdasarkan kepada kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.

### Ekstremisme Pada Zaman Nabi

Terdapat beberapa riwayat yang menunjukkan unsur-unsur ekstremisme secara umum yang wujud dalam masyarakat Islam pada masa tersebut. Ada yang berkaitan dengan perlakuan ibadat. Sebahagian sahabat diriwayatkan telah melakukan ibadat sehingga melampaui batasan yang sebenarnya, contohnya salah seorang sahabat Nabi yang bernazar untuk berpuasa dan berdiri di tengah panas matahari:

عَنْ أَبْنَ عَبَّاسَ قَالَ بَيْنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ إِذَا هُوَ بِرَجُلٍ قَائِمٍ فَسَأَلَ عَنْهُ قَاتِلُوا أَبُو اسْرَائِيلَ نَذَرَ أَنْ يَقُومُ وَلَا يَقْعُدُ وَلَا يَسْتَطِلُّ وَلَا يَتَكَلَّمُ وَيَصُومُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُرْدٌ فَيَنْتَكِلُمُ وَلَيَسْتَطِلُّ وَلَيَقْعُدُ وَلَيَتَمَمَ صَوْمَةً

Ketikamana Nabi s.a.w. sedang berkhutbah, ada seorang lelaki berdiri. Baginda bertanya tentangnya. Mereka (Sahabat) menjawab: Abu Isra'il yang bernazar untuk berdiri dan tidak duduk mahupun berlindung atau bercakap-cakap dalam keadaan dia berpuasa. Sabda Nabi s.a.w.: Suruh dia agar bercakap, berlindung dan duduk. Kemudian teruskan puasanya.<sup>23</sup>

Terdapat juga salah seorang isteri Baginda s.a.w., Zainab r.a. yang melampaui dalam beribadat sehingga menggantungkan tali di tiang masjid bagi membantunya bangun untuk bersolat. Nabi telah menegur kelakukan mereka dan menasihati mereka agar berada dalam garisan wasatiyah:

عَنْ أَنْسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ دَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِيلَ مَمْدُودَ بَيْنَ السَّارِيَتَيْنِ فَقَالَ مَا هَذَا الْحِيلُ  
قَالُوا هَذَا حِيلُ لَزِينَبِ فَإِذَا فَرَتْ تَعْلَقَتْ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا حِلَوْهُ لِيَصِلَ أَحَدَكُمْ نَشَاطَهُ فَإِذَا فَتَرْ فَلَيَقْعُدُ

Daripada Anas bin Malik r.a.: Rasulullah telah memasuki (masjid) dan mendapati ada tali bergantung antara dua tiang masjid. Baginda bersabda: Untuk apa tali ini? Mereka (sahabat) menjawab: Ianya tali milik Zainab, apabila dia letih dia akan bergantung padanya. Sabda Nabi: Tidak. Leraikan ia. Hendaklah setiap orang daripada kamu bersolat mengikut kemampuannya. Apabila dia letih maka duduklah.<sup>24</sup>

Peristiwa yang memperlihatkan elemen ekstremisme yang boleh dikaitkan dengan keganasan ialah peristiwa yang berlaku selepas peperangan Hunayn:

بَيْنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْسِمُ ذَاتَ يَوْمٍ قَفْلَانِ دُوَّالْحُوَيْصِرَةِ رَجُلٌ مِنْ بَنِي ثَمِيمٍ بِأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ أَعْدَلَ فَلَمْ يَلْمِعْ مَنْ بَعْدَلَ  
إِذَا لَمْ أَعْدِلْ فَقَالَ عُمَرُ أَذْنُ لِي فَلَأَضْرِبَ عَنْهُ قَالَ لَا إِنَّ لَهُ أَصْحَابًا يَحْقِرُ أَحَدُكُمْ صَلَاتِهِ مَعَ صَلَاتِهِمْ وَصِيَامَهُمْ مَعَ صِيَامِهِمْ  
يَمْرُّونَ مِنْ الَّذِينَ كَفُّرُوا سَهْمَهُمْ مِنَ الرَّمَيَّةِ يُبَطِّرُ إِلَى نَصْلِهِ فَلَا يُوجَدُ فِيهِ شَيْءٌ

Ketika mana Rasulullah s.a.w. membedak-bedakkan pembahagian (rampasan perang), Dhu al-Khuwaisirah daripada Bani Tamim telah berkata: Wahai Rasulullah! Berlaku adillah. Sabda baginda: Celaka kamu, siapa yang akan adil jika tidak aku yang adil. Umar r.a. lantas bangun dan berkata: Wahai Rasulullah, izinkan aku untuk memenggal tengukunya. Sabda baginda: Jangan, sesungguhnya dia mempunyai kumpulan yang mana solat kamu semua tidak dapat menandingi solat mereka, puasa kamu dengan puasa mereka. Mereka akan berlepas daripada agama sepertimana anak panah daripada busurnya. Dia melihat kepada mata anak panahnya, maka tidak didapati suatu apa pun. Kemudian dia melihat kepada risf, maka tidak didapati suatu apa pun. Kemudian dia melihat kepada batang anak panah, maka tidak didapati suatu apa pun. Kemudian dia melihat kepada bulu anak panahnya, maka tidak didapati suatu apa pun..<sup>25</sup>

Peristiwa ini memperlihatkan tindakan dan kecenderungan ekstremisme dalam masyarakat Islam apabila seorang lelaki mengambil tindakan menempelak Rasulullah s.a.w. di hadapan khalayak ramai. Seterusnya Rasulullah s.a.w. memberikan pandangan masa hadapan tentang akan munculnya satu kumpulan yang ganas

<sup>22</sup> Bartoli, Andrea, and P. Coleman, *op. cit.*

<sup>23</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Bab fi Nadhr fi ma la Yamlak wa fi Ma'siyah*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 20, h. 410.

<sup>24</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Bab Ma Yukrah min al-Tashdid fi al-'Ibadah*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 4, h. 324.

<sup>25</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Bab Ma Ja'fi Qawl al-Rajul Waylaka*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 19, h. 139.

ketika mana manusia berpecah belah dan adanya seorang lelaki yang akan bersama dengan mereka yang pada tangannya ada ketulan seperti puting perempuan (*thad'y*)<sup>26</sup>:

يَخْرُجُونَ عَلَىٰ حِينَ فُرْقَةٍ مِّنَ النَّاسِ أَيْتُهُمْ رَجُلٌ إِحْدَى يَدَيْهِ مِثْلُ نَذِي الْمَرْأَةِ

Jangkaan ini telah berlaku dan terbukti pada ketika berlakunya peperangan antara Saidina 'Ali dan kaum Khawarij :

قَالَ أَبُو سَعِيدٍ فَأَشَهَدُ أَنِّي سَمِعْتُ هَذَا الْحَدِيثَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَشَهَدُ أَنَّ عَلَيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ قَاتَلَهُمْ وَأَنَا مَعَهُ فَأَمَرَ بِذِكْرِ الرَّجُلِ فَلَمْ يَمْسِ فَأَتَيْتُ بِهِ حَتَّىٰ نَظَرْتُ إِلَيْهِ عَلَىٰ نَعْتِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الَّذِي نَعْتَهُ

Abu Sa'id telah berkata: Aku bersaksi bahawa aku telah mendengar hadis ini daripada Rasulullah s.a.w. dan aku telah menyaksikan 'Ali bin Abi Talib telah memerangi mereka (Khawarij) dan aku bersama-sama dengannya. Dia telah mengarahkan (untuk mencari) lelaki tersebut maka dibawakan beliau kepadanya. Aku melihat padanya kriteria sebagaimana Nabi s.a.w. sifatkannya.<sup>27</sup>

Dapat dirumuskan bahawa ekstremisme dalam bentuk keganasan yang dinyatakan oleh Nabi s.a.w. mempunyai perkaitan dengan golongan Khawarij.

### **Khawarij dan Ekstremisme**

Golongan ini dinamakan Khawarij kerana mereka telah keluar (*khuruj*) menentang Saidina 'Ali.<sup>28</sup> Pada asalnya mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan Saidina 'Ali kerana mereka adalah kelompok Muslim yang pada mulanya menyokong beliau. Namun kemudiannya mereka menolak kepimpinan Ali kerana tidak bersetuju dengan keputusan beliau berkaitan majlis Tahkim.<sup>29</sup> Kemudiannya, istilah ini telah dikembangkan pengertiannya. Khawarij dalam kalangan sarjana membawa maksud sesiapa yang menentang secara bersenjata pemimpin yang benar yang disepakati oleh orang Islam sama ada pada zaman sahabat atau zaman selepasnya.<sup>30</sup>

Ciri-ciri yang ada pada kumpulan Khawarij ialah memiliki nilai-nilai ekstremisme sebagai yang telah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w.. Antaranya mereka adalah golongan yang melampau dalam beribadat dengan meninggalkan aspek kefahaman. Nabi s.a.w. menyatakan:

..فَإِنْ لَهُ أَصْحَابًا يَحْرُكُمْ صَلَاتَهُمْ وَصِيَامَهُمْ يَقْرُؤُنَ الْقُرْآنَ لَا يَجَاوِزُ تِرَاقِيهِمْ..

Sesungguhnya dia mempunyai kumpulan yang mana solat kamu semua tidak dapat menandingi solat mereka, (tidak) puasa kamu dengan puasa mereka. Mereka membaca Quran tetapi tidak melampaui leher mereka.<sup>31</sup>

Sifat melampau itu menjadikan mereka terkeluar daripada kefahaman yang betul terhadap agama sebagaimana sabda Nabi s.a.w.:

يَمْرُقُونَ مِنْهُ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيمِ

Mereka berlepas daripadanya (agama) sebagaimana anak panas melepas busurnya.<sup>32</sup>

Keganasan mereka dengan melakukan pembunuhan juga telah dinyatakan oleh Nabi:

شُرُّ قَاتُلُوا تَحْتَ أَدِيمِ السَّمَاءِ وَخَيْرُ قَاتِلِيْلَ مِنْ قَاتُلُوا

Mereka adalah seburuk-buruk orang yang dibunuhi di bawah naungan langit dan sebaik-baik mangsa pembunuhan di bawah naungan langit adalah orang yang dibunuhi oleh mereka.<sup>33</sup>

<sup>26</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bab Ma Ja'fi Qawl al-Rajul Waylaka, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 19, h. 139.

<sup>27</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Bab 'Alamat al-Nubuwah fi al-Islam, al-Maktabah al-Shamilah 3.27,j. 10, h. 411

<sup>28</sup> Marjuni, Kamal al-Din (2011), *Nash'ah al-Firaq wa Tafarrugaha*, K.L.: IIUM Press, h. 121.

<sup>29</sup> Al-Dhahabi (1997) *Tarikh al-Islam*, 'Ahd al-Khulafa' al-Rashidin, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi, h. 552.

<sup>30</sup> Al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 1, h. 28.

كل من خرج على الإمام الحق الذي انفقت الجماعة عليه يسمى: خارجيًا، سواء كان الخروج في أيام الصحابة على الأئمة الراشدين، أو كان بعدهم على التابعين بإحسان، والأئمة في كل زمان.

<sup>31</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, 'Alamat al-Nubuwah fi al-Islam, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 11, h. 442.

<sup>32</sup> Muslim, *Sahih Muslim*, *Dhikr al-Khawarij wa Sifatahum*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27,j. 5, h. 295.

<sup>33</sup> Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, *Fi Dhikri al-Khawarij*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.j. 1, h. 207.

Sebagai tindak balas ke atas keganasan mereka, Nabi s.a.w. mengarahkan orang Islam agar memerangi mereka (apabila telah cukup syarat-syaratnya):

يخرج قوم في آخر الزمان حدثاء الأنسان، سفهاء الأحلام، يقولون من قول خير البرية، لا يجاوز إيمانهم حناجرهم، فainما  
لقيتهم هم فاقتلواهم، فإن في قتلهم أجرًا لمن قتلهم إلى يوم القيمة

Akan keluar satu kaum di akhir zaman, orang-orang yang masih mentah dan bodoh cita-cita mereka, mereka menyebutkan sabda yang diucapkan oleh sebaik-baik manusia s.a.w. Akan tetapi iman mereka tidak melampaui tengkorak mereka. Dimana sahaja kamu dapat mereka maka perangilah mereka. Sesungguhnya dengan memerangi mereka ada pahala bagi orang yang membunuh mereka sehingga akhir zaman.<sup>34</sup>

Ekstremisme Khawarij dengan melakukan pembunuhan telah direkodkan dalam sejarah. Antaranya pembunuhan 'Abd Allah bin Khubab dan sahaya perempuan beliau yang telah dibelah perutnya terlebih dahulu sebelum dibunuh.<sup>35</sup>

Pada zaman moden ideologi Khawarij ini terungkap dengan beberapa bentuk kefahaman. Antaranya ialah kefahaman yang menganggap bahawa satu-satunya cara untuk menegakkan sebuah negara Islam adalah melalui peperangan. Kefahaman dan dogma ini memberikan satu penekanan yang berlebihan terhadap keganasan melalui peperangan dan pembunuhan<sup>36</sup> sebagaimana dapat dilihat dengan jelas dalam pemikiran dan tindakan golongan Khawarij pada zaman lampau.

### Inisiatif Umat dalam Mendepani Ekstremisme

Dalam mendepani Khawarij, umat Islam terawal dilihat tidak menyerahkan tanggungjawab tersebut hanya kepada khalifah atau pimpinan sahaja. Sebaliknya, mereka bersama-sama mengambil bahagian bagi mengekang kumpulan ini. Inisiatif pada peringkat individu dilaksanakan mengikut kemampuan masing-masing. Ibn 'Abbas dengan sukarela memberikan pandangan beliau dan berusaha berdialog dengan golongan Khawarij:

فَلَمَا كَانَ ذَاتُ يَوْمٍ قَلَتْ لِعْلَىٰ يَأْمُرِ الْمُؤْمِنِينَ: أَبْرَدَ عَنِ الصَّلَاةِ فَلَا تَقْتُلُنِي حَتَّىٰ آتَيْتُهُمْ مَا كَانُوا يَتَحْمِلُونَ.  
قَالَ: كَلَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَىٰ وَكَنْتَ حَسْنَ الْخَلْقِ لَا أُوذِي أَحَدًا.

Sehingga tiba pada suatu hari, aku (Ibn Abbas) berkata kepada 'Ali: Wahai Amirul Mukminin, lewatkan solat (zohor) agar aku tidak ketinggalan (berjamaah) sehingga aku (selesai) berjumpa dengan kaum itu (Khawarij – al-Haruriyyah) dan berdialog dengan mereka. Kata beliau: Aku risaukan kamu (diapa-apakan) oleh mereka. Aku membalas: tidak insyaAllah. Aku orangnya elok pekerti dan tidak menyakiti sesiapa pun..”<sup>37</sup>

Usaha-usaha yang dilakukan oleh Ibn 'Abbas merupakan inisiatif individu yang telah mendapat keizinan daripada pemerintah. Beliau telah mempertaruhkan keselamatan dirinya sendiri bagi tujuan mengajak golongan Khawarij untuk kembali kepada jalan yang lurus.

Sebahagian Sahabat r.a. pula memulau golongan Khawarij dengan menidakkannya. Sebagai contoh sebagaimana yang dilakukan oleh Jundub bin Abd Allah r.a. yang berpaling daripada pengikut Khawarij dan menempelak mereka:

جندب بن عبد الله لفرقة دخلت عليه من الخوارج. فقالوا: ندعوك إلى كتاب الله، فقال: أنتم؟ قالوا: نحن، قال: أنتم؟ قالوا: نحن،  
قال: يا أخا بيث خلق الله في اتباعنا تختارون الضلال، ألم في غير ستتنا تلتسمون بهـ؟! اخر جرا عنـ

“Sekumpulan Khawarij telah masuk bertemu dengan Jundub bin 'Abd Allah dan berkata: Kami mengajak kamu kepada Kitabullah. Beliau menjawab: Kamu semua? Mereka berkata: Kami. Beliau bertanya lagi: Kamu semua? Mereka menjawab: Kami. Beliau berkata: Wahai seburuk-buruk ciptaan Allah, ketika kamu semua berada dalam kalangan kami, kamu memilih kesesatan atau kamu mencari hidayah daripada jalan selain Sunnah kami? Pergi kamu semua daripadaku.”<sup>38</sup>

<sup>34</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, *Qatl al-Khawarij wa al-Mulhidin Ba'd Iqamah al-Hujjah*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 21, h. 251.

<sup>35</sup> Ibn Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, *Dhikr Qital al-Khawarij*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 2, h. 84.

<sup>36</sup> Al-Ghadban, Munir Muhammad (2012) *Qadaya Islamiyyah Mu'asarah*, Kaherah: Dar al-Salam, h. 587.

<sup>37</sup> 'Abd al-Razzaq, *Musannaf*, *Bab Ma Ja'a fi al-Haruriyyah*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 10, h. 157, Abu Nu'aym, *Hulyah al-Awliya'*, *Ibn Abbas*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 1, h. 169, al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 8, h. 179, al-Hakim, *al-Mustadrak*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 6, h. 263 dan al-Haythami, *Majma' al-Zawa'id*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 3, h. 96.

<sup>38</sup> Ibn Qayyim, *A'lam al-Muwaqqi'in*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 4, h. 139.

Sebahagian sahabat r.a. pula menzahirkan kebencian mereka terhadap kumpulan Khawarij. "Diriwayatkan bila mana Abu Umamah melihat kepala-kepala ketua al-Azariqah (Khawarij) tergantung di Dimasyq, mata beliau bergenang air mata dan berkata: "Anjing-anjing neraka, anjing-anjing neraka, anjing-anjing neraka, mereka adalah seburuk-buruk orang yang dibunuh di bawah naungan langit dan sebaik-baik mangsa pembunuhan di bawah naungan langit adalah orang yang dibunuh oleh mereka. Dikatakan kepada beliau: Mengapa engkau menangis? Beliau berkata: Kerana mengasihani mereka, sesungguhnya mereka daripada orang-orang Islam..."<sup>39</sup>

Kekuatan Khawarij dipatahkan apabila masyarakat Islam bersatu hati berdepan dengan golongan ini. Serangan Khawarij seramai tujuh puluh orang yang dipimpin oleh Tawaf<sup>40</sup> telah berjaya dipatahkan dengan serangan daripada penduduk setempat. Walau pun sebelum itu, Khawarij telah berjaya menewaskan tentera kerajaan dan memasuki kota Basrah.<sup>41</sup> Beberapa peristiwa yang terjadi dalam sejarah awal Islam secara jelas memperlihatkan bagaimana umat Islam mengambil inisiatif masing-masing secara individu dan berkumpulan bagi mengekang golongan ekstremis ini. Sehubungan dengan itu, bagi mengekang penularan ekstremisme dalam masyarakat, setiap lapisan masyarakat perlu mengambil inisiatif untuk mengekang pengaruh ekstremisme daripada menyusup dan menguasai masyarakat keseluruhannya.

## **Mendepani Ekstremisme dengan Persepsi**

Rasulullah s.a.w. amat berhati-hati ketika mana berhadapan dengan golongan yang bersikap dengan sikap ekstrem. Ketika mana Umar r.a. mencadangkan agar Dhu Khuwaisirah dipancung kerana bertindak ekstrem mengecam Nabi s.a.w., Nabi s.a.w. memperingatkan Umar r.a. kesan daripada tindakan tersebut. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَعَاذُ اللَّهُ أَنْ يَتَحَدَّثَ النَّاسُ أَنِّي أَقْتَلَ أَصْحَابِي، إِنَّ هَذَا وَأَصْحَابَهُ يَقْرَءُونَ الْقُرْآنَ لَا يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ، يَمْرُّوْنَ مِنْهُ كَمَا يَمْرُّقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّبِيعَةِ

Mudah-mudahan dijauhi Allah, nanti orang akan berkata Aku telah membunuh sahabat-sahabatku. Sesungguhnya dia dan kumpulannya membaca quran tetapi tidak melepas leher-leher mereka. Mereka berlepas daripadanya (agama) sebagaimana anak panas melepas busurnya.<sup>42</sup>

Tindakan yang sama juga dilakukan oleh Saidina Ali r.a. yang membiarkan golongan Khawarji melakukan serangan terlebih dahulu:

جعل يأتيه الرجل فيقول: يا أمير المؤمنين إن القوم خارجون عليك، قال: دعهم حتى يخرجوا فإني لا أقتلهم حتى يقاتلوني  
وسوف يفعلون

Seorang lelaki telah mendatangi beliau (Saidina Ali) dan berkata: Wahai Amirul Mukminin sesungguhnya kaum itu akan memerangi kamu. Beliau berkata: Biarkan mereka sehingga mereka keluar. Sesungguhnya kau tidak akan memerangi mereka sehingga mereka memerangi aku. Sememangnya mereka akan melakukannya.<sup>43</sup>

Tindakan yang dilakukan di atas dapat dikategorikan sebagai tindakan penuh berhikmah dalam menjaga kedudukan golongan Islam yang benar dan memperlihatkan bahaya golongan ekstremis. Persepsi yang buruk ke atas golongan Khawarij merupakan senjata yang ampuh bagi mengelakkan pemikiran mereka mempengaruhi umat Islam majoriti.

<sup>39</sup> Ahmad, Musnad, Musnad Abi Ummah, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.j. 45, h. 154. Dalam riwayat Ibn Majah, dinyatakan bahawa mereka itu telah menjadi kafir. Lihat Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, Fi Dhikri al-Khawarij, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 1, h. 207.

حَتَّىٰ أَتَىٰ بِرْغُوسَ الْأَزْرَقَةَ فَقَبَضَتْ عَلَىٰ تَرْجَعِ دَمَشْقَ جَاءَ إِبْرَاهِيمَ دَمَعَتْ عَيْنَاهُ فَلَمَّا رَأَهُمْ هُوَ لَاءُ شَرٍ قَاتَلُوا تَحْتَ أَيْمَانِ السَّمَاءِ وَخَرَقُوا قَلْبَهُ فَلَوْلَا خَتَّ أَيْمَانِ السَّمَاءِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ هُوَ لَاءُ قَالَ فَقَاتَلُوكُمْ شَاءَكُمْ تَمَعَتْ عَيْنَكُمْ قَالَ كَلَابُ النَّارِ تَلَاثَ مَرَاتٍ هُوَ لَاءُ شَرٍ قَاتَلُوا تَحْتَ أَيْمَانِ السَّمَاءِ وَخَرَقُوا قَلْبَهُ فَلَوْلَا خَتَّ أَيْمَانِ السَّمَاءِ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنِّي لَجُرْيَةٌ بَلْ سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنِّي لَجُرْيَةٌ بَلْ سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّىٰ سَهَلَ بْنُ أَبِي سَهَلٍ حَتَّىٰ سَهَلَ بْنُ عَيْنَةَ عَنْ أَبِي غَالِبٍ عَنْ أَبِي أَمَامَةَ يَقُولُ شُرُّ قَاتَلُوا تَحْتَ أَيْمَانِ السَّمَاءِ وَيَئِيرُ قَبِيلٌ مِنْ قَاتَلُوا كَلَابَ أَهْلِ النَّارِ قَدْ كَانَ هُوَ لَاءُ مُسْلِمِينَ فَصَارُوا كُفَّارًا قَاتَلُوا يَا إِبْرَاهِيمَ هَذَا شَيْءٌ فَقُولَهُ قَالَ بْنُ سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

<sup>40</sup> Tawaf ialah nama salah seorang pemimpin Khawarij yang memimpin serangan ke atas Basrah.

<sup>41</sup> Ibn Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 2, h. 145.

<sup>42</sup> Muslim, *Sahih Muslim*, *Dhikr al-Khawarij wa Sifatahum*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 5, h. 295.

<sup>43</sup> Abd al-Razzaq, *Musannaf*, *Bab Ma Ja'a fi al-Haruriyah*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 3, h. 293.

## Mendepani Ekstremisme dengan Perdebatan

Antara cara yang telah digunakan oleh para salaf saleh dalam mendepani golongan Khawarij adalah dengan mengadakan perbincangan dan perdebatan. Pada permulaan pertembungan antara Khawarij dan Saidina 'Ali r.a., Ibn 'Abbas r.a. telah mengambil inisiatif untuk berhujah dengan mereka. Tindakan yang dilakukan oleh Ibn 'Abbas telah membawa hasil bila mana sebahagian daripada mereka yang menyertai tentera Khawarij telah kembali bertaubat.

Tiga perkara yang ditimbulkan oleh golongan Khawarij telah dibalas oleh Ibn 'Abbas dengan hujah yang kukuh:

- a. Khawarij mendakwa: “beliau (Saidina ‘Ali) telah memperhukumkan seorang manusia bagi agama Allah sedangkan Allah berfirman: Tiadalah hukum melainkan dengan Allah. Apa lagi fungsi seorang manusia dan penghakiman selepas firman Allah azza wajalla.”

Ibn 'Abbas menjawab dengan berkata: “Adapun kata-kata kamu: Dia telah menjadikan seorang lelaki sebagai hakim ke atas agama Allah, maka sesungguhnya Allah Taala telah berfirman: “Dua orang yang adil daripada kamu menghukumkannya. Firman Allah juga berkaitan suami isteri: Sekiranya kamu takutkan perpisahan antara kedua-duanya maka kamu utuskan seorang hakim daripada suami dan seorang hakim daripada isteri.”<sup>44</sup>

- b. Khawarij mendakwa: “Dia (Saidina ‘Ali) telah berperang dan tidak mengambil hamba dan tidak mengambil rampasan perang. Sekiranya mereka adalah orang kafir maka telah halal harta mereka dan sekiranya mereka orang beriman maka telah haramlah darah mereka.”

Ibn 'Abbas menjawab dengan kata beliau: “Adakah kamu semua akan memperhambakan Umm al-Mu'min. Sekiranya kamu semua melepaskan beliau tanpa kamu melepaskan perempuan-perempuan yang lain maka kamu semua telah kafir. Sekiranya kamu semua mendakwa beliau bukan Umm al-Mu'min maka kamu semua telah kafir dan keluar daripada Islam. Allah telah berfirman: Nabi itu lebih perlu diutamakan bagi orang-orang mu'min daripada diri mereka sendiri dan isteri-isterinya adalah ibu-ibu kamu”<sup>45</sup>

- c. Khawarij mendakwa: “Beliau (Saidina ‘Ali) telah memadamkan diri beliau Amir al-Mu'min. Sekiranya dia bukan ketua bagi orang beriman maka dia adalah ketua bagi orang-orang kafir.”

Ibn 'Abbas menjawab dengan kata beliau: “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah memanggil Quraish pada hari al-Hudaibiah supaya dituliskan perjanjian antara baginda dan mereka. Suhayl bin 'Amru dan Abu Sufyan telah membuat perjanjian tersebut. Baginda bersabda: Tulis wahai ‘Ali. Ini apa yang dipersetujui oleh Muhammad Rasulullah. Mereka mencelah: Demi Allah sekiranya kami tahu kamu adalah Rasulullah nescaya tidak kami halang kamu daripada Baitullah. Tulis wahai ‘Ali: Muhammad bin ‘Abd Allah...Rasulullah adalah lebih mulia daripada ‘Ali. Tiada baginda keluar daripada kenabian ketika mereka memadamkannya daripada namanya.”<sup>46</sup>

Ibn 'Abbas r.a. telah menunjukkan bahawa penghujahan dengan golongan ini perlukan kepada persediaan yang cukup. Penghujahan perlu disokong dengan elemen-elemen luaran bagi mengukuhkan penghujahan, antaranya:

- a. Ibn 'Abbas r.a. telah memakai pakaian yang elok ketika ingin bertemu dengan golongan Khawarij. Tindakan ini merupakan suatu tindakan yang cukup bijak kerana golongan Khawarij mempunyai kecenderungan akan mengecam atau memerli pakaian yang dipakai kerana mereka adalah golongan yang sentiasa mengetarkan agama dan berpegang dengan pandangan yang keras berbanding pandangan yang mudah dan lunak. Apabila diperli, Ibn 'Abbas r.a. dengan mudah menjawab perlian Khawarij dengan ayat Allah Taala:

فَلَمْ يَرَهُ زَيْنَةً اللَّهُ أَخْرَجَ لِبَنَادِهِ وَالطَّيَّابَاتِ مِنَ الرِّزْقِ

Tindakan ini telah memberi kemenangan awal kepada Ibn 'Abbas r.a. kerana Khawarij tidak memberikan bantahan berikutnya ke atas hujah Ibn 'Abbas. Penting juga untuk diperhatikan bahawa dengan penghujahan ini memberikan indikasi kepada Ibn 'Abbas bahawa golongan Khawarij menerima penghujahan Quran.

<sup>44</sup> 'Abd al-Razzaq, *Musannaf, Bab Ma Ja'a fi al-Haruriyyah*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 10, h. 157, Abu Nu'aym, *Hulyah al-Awliya'*, Ibn Abbas, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 1, h. 169, al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 8, h. 179, al-Hakim, *al-Mustadrak*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 6, h. 263 dan al-Haythami, *Majma' al-Zawa'id*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 3, h. 96.

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> *Ibid.*

- b. Ibn 'Abbas r.a. menawarkan diri beliau untuk berunding dan berbincang dengan kumpulan Khawarij kerana beliau merasakan diri beliau merupakan seorang yang boleh diterima oleh mereka. Aspek ini amat penting bagi memastikan penerimaan awal golongan ekstremis sebelum bermulanya penghujahan.
- c. Ibn 'Abbas memperlihatkan kelemahan mereka dengan menekankan kedudukan mereka yang tidak pernah bertemu dengan Rasulullah s.a.w.
- d. Ibn 'Abbas memulakan penghujahan dengan mengenalpasti titik asas penghujahan iaitu penerimaan mereka terhadap Quran dan Rasulullah s.a.w.<sup>47</sup>

Penghujahan merupakan kaedah yang terbaik dalam berdepan dengan golongan ekstremis. Ia merupakan tindakan yang menyerang asas pertimbangan golongan ekstremis dengan logik akal. Tindakan seperti ini telah terbukti membawa hasil dalam mengurangkan sokongan kepada golongan ekstremis.

### Mendepani Ekstremisme dengan Peperangan

Berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku pada zaman salaf saleh, golongan Khawarij merupakan golongan yang begitu mudah untuk menumpahkan darah. Dengan hanya kekuatan ketenteraan yang sedikit, mereka sudah mampu mulakan peperangan dan penaklukan. Pada tahun 58 H, Salah seorang pemuka Khawarij, Tawaf telah memimpin golongan Khawarij seramai tujuh puluh orang melakukan serangan. Mereka telah berjaya menewaskan tentera kerajaan dan memasuki kota Basrah.<sup>48</sup> Walaupun kemudian mereka tewas, mereka telah meninggalkan kerosakan yang tidak sedikit kepada umat Islam keseluruhannya.

Golongan Khawarij juga dilihat mempunyai semangat dan kekuatan juang yang tinggi ketika berperang. Abu Bilal, Mirdas bin Adiyyah salah seorang pimpinan Khawarij dengan kekuatan ketenteraan seramai empat puluh orang sahaja<sup>49</sup> telah berjaya mengalahkan tentera kerajaan Umayyah seramai dua ribu orang yang dipimpin oleh Aslam bin Zur'ah al-Kulabi.<sup>50</sup>

Sehubungan dengan itu, mendepani ekstremisme dengan peperangan bukan merupakan suatu kaedah yang baik dan boleh diutamakan. Bentuk-bentuk kekerasan, ancaman dan pembunuhan merupakan matlamat golongan Khawarij pada zaman dahulu.<sup>51</sup> Ia turut dilihat sebagai matlamat kepada golongan yang berpegang dengan ekstremisme pada masa ini.

Saidina 'Ali r.a. telah meletakkan kaedah yang cukup jelas dalam memerangi Khawarij iaitu peperangan tidak dimulai dari pihak beliau tetapi ianya dimulai oleh pihak Khawarij sendiri.:

إِنْ لَكُمْ عَلَيْنَا أَنْ لَا نَمْنَعُكُمْ فِيمَا مَا دَامَتْ أَيْدِيكُمْ مَعَنَا ، وَأَنْ لَا نَمْنَعُكُمْ مَساجِدَ اللَّهِ ، وَأَنْ لَا نَبْدِأْكُمْ بِالْقَتْلِ حَتَّى تَبْدَأُنَا بِهِ  
Sesungguhnya kami tidak sama sekali menghalang kamu semua daripada menerima fi' selagimana kamu semua bersama kami. Kami juga tidak menghalang kamu semua daripada rumah-rumah Allah. Tidaklah kami akan mulakan peperangan sehingga kamu semua memulakannya dahulu.<sup>52</sup>

Apabila ada orang yang bertanya kepada Saidina 'Ali r.a. tentang tindak balas beliau ke atas Khawarij yang telah berhimpun untuk memerangi beliau, Saidina 'Ali r.a. memberikan kenyataan yang sama:

جَعَلَ يَائِيهِ الرَّجُلَ فَيَقُولُ: يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ إِنَّ الْقَوْمَ خَارِجُونَ عَلَيْكَ، قَالَ: دَعُهُمْ حَتَّى يَخْرُجُوا فَإِنَّمَا لَا أَفْلَتُهُمْ حَتَّى يَقْاتِلُونِي  
وَسُوفَ يَفْعَلُونَ.

Hinggalah ada seorang lelaki mendatangi beliau dan berkata: Wahai Amirul Mukminin, sesungguhnya kumpulan itu telah keluar berhimpun untuk memerangimu. Kata beliau: biarkan mereka keluar, sesungguhnya aku tidak akan memerangi mereka sehingga mereka memerangi aku dan sememangnya mereka akan melakukannya.

<sup>47</sup>Ibid.

أَرَأَيْتَ إِنْ قَرَأْتَ عَلَيْكُمْ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ الْمُحْكَمِ، وَحَدَّثْتُكُمْ مِنْ سَنَةِ نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا لَا تَكْرُونَ

<sup>48</sup>Ibn Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 2, h. 145.

<sup>49</sup>Al-Tabari, (1998), *Tarikh al-Tabari*, Beirut: Dar al-Fikr, j. 6, h. 159.

<sup>50</sup>Ibn Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 2, h. 146.

<sup>51</sup>والملحوظ أن فئة الخوارج هذه لا يجدي معها كثيرا التهديد بالقتل إذ هو شهادة في نظرهم وهو غايتهم، والمطلوب إظهار قوة ولاة الأمر حتى يحد من خروجهم وتقطيع شوكتهم، إذ هم لا يندحرون إلا بالقتل غالبا

<http://eldorar.net/science/article/13379>

<sup>52</sup>Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 7, h. 311. Kaedah yang sama digunakan oleh Saidina 'Ali ketika berperang dengan Mu'awiyah. Lihat Al-Tabari, (1998), *Op. cit.*, j. 5, h. 307.

Ketetapan ini turut diperakui oleh Ibn Shidad apabila ditanya tentang tindakan 'Ali r.a. terhadap Khawarij oleh Saidatina 'Aishah:

فَقَالَتْ لِهِ عَائِشَةُ : يَا ابْنَ شَدَادْ فَقْتَلُهُمْ ؟ قَالَ : وَاللَّهِ مَا بَعْثَ إِلَيْهِمْ حَتَّىٰ قَطَعُوا السَّبِيلَ ، وَسَفَكُوا الدَّمَاءَ ، وَاسْتَحْلَوْا أَهْلَ الذَّمَةِ  
'Aishah bertanya: Wahai Ibn Shidad, adakah beliau memerangi mereka? Jawab beliau: Demi Allah, tidaklah beliau menghantar (tentera untuk memerangi) mereka sehingga mereka membuat kacau di jalanan, menumpahkan darah dan menghalalkan ahli dzimmah.<sup>53</sup>

Tindakan yang hampir sama telah diambil oleh Rasulullah s.a.w. ketika berdepan dengan golongan awal Khawarij. Baginda mengambil sikap berlembut dan menolak kekerasan, walau pun pada ketika itu baginda berada pada kedudukan yang amat kuat.

Peperangan secara umumnya adalah suatu yang perlu dielakkan kerana ia membawa pelbagai keburukan. Dalam berdepan dengan golongan ekstremis, peperangan dan kekerasan juga perlu dielakkan dan dijadikan sebagai wasilah terakhir berhadapan dengan golongan ini. Sehubungan dengan itu Rasulullah s.a.w. telah memberikan isyarat bahawa baginda sendiri akan memerangi golongan ini:

أَئِنْ أَنَا أَذْكُرُهُمْ لَا قُتْلَهُمْ قُتْلٌ عَادٍ

"Sekiranya aku berjumpa dengan mereka nescaya aku akan memerangi mereka sebagai peperangan 'Ad"<sup>54</sup>

## Penutup

Ekstremisme yang dilihat dan difahami dari sudut pandangan Islam merupakan suatu ancaman kepada Islam, umat Islam dan dunia keseluruhannya. Sejarah telah memperlihatkan bagaimana golongan eksterim yang lahir daripada gerakan Khawarij telah membawa keburukan kepada manusia. Umat Islam terdahulu telah berdepan dengan golongan ini melalui kekuatan umat secara bersepada. Golongan ini juga didepani dengan mengambil kira aspek persepsi yang perlu dikawal. Perdebatan dengan golongan ini yang disertakan dengan penghujahan yang teguh merupakan senjata paling ampuh untuk mengalahkan mereka. Namun begitu, apabila keadaan memerlukan tindakan kekerasan, ia perlu dilaksanakan bagi mempertahankan umat Islam dan dunia secara keseluruhannya.

## Rujukan

'Abd al-Razzaq, *Musannaf, Bab Ma Ja 'a fi al-Haruriyyah*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

Abdul Salam Muhammad Shukri, *Religious Tension and Tolerance in Malaysia: A Survey of Malaysian Newspaper Reports on Religious Tension Incidents from 2004-2007* dalam Siddig Ahmad et.al, 2009. *Islam and Contemporary Muslims Challenges and Issues*, Bangi: Department of Theology and Philosophy.

Abdullah Md. Zain dan Khairil Annas Jusoh, 2011. *Pendekatan Wasatiyyah dalam Menghayati 1Malaysia*, K.L.: MPH Group Printing.

Abu Nu'aym, *Hulyah al-Awliya'*, Ibn Abbas, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

Ahmad, *Musnad, Musnad 'Ali bin Abi Talib*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27

Al-Bayhaqi, *al-Sunan al-Kubra*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

Al-Dhahabi, 1997. *Tarikh al-Islam*, 'Ahd al-Khulafa' al-Rashidin, Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.

Al-Ghadban, Munir Muhammad, 2012. *Qadaya Islamiyyah Mu'asarah*, Kaherah: Dar al-Salam.

Al-Hakim, *al-Mustadrak*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

Al-Haythami, *Majma' al-Zawa'id*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

Al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

<sup>53</sup> Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 7, h. 311. Ahmad, *Musnad, Musnad 'Ali bin Abi Talib*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 2, h. 127

<sup>54</sup> Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Qawl Allah*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27, j. 11, h. 130.

Al-Tabari, 1998. *Tarikh al-Tabari*, Beirut: Dar al-Fikr.

Bartoli, Andrea, and P. Coleman, 2003. "Dealing with extremists." *Beyond Intractability Burgess, G., & Burgess H.,(eds) Conflict Research Consortium, University of Colorado, Boulder*. Diakses dari <http://www.beyondintractability.org/essay/dealing-extremists>. 8 Ogos 2016.

Brenda Almond, 2010. Education for Tolerance: Cultural Difference and Family Values, *The Journal of Moral Education*, Volume 39, Number 2.

David Myatt, 2013. Understanding and Rejecting Extremism, Diakses daripada <http://www.davidmyatt.ws/a-rejection-of-extremism.pdf>, 8 Ogos 2016..

Davies, Lynn, 2008. *Education against extremism*. Stoke on Trent, UK: Trentham Books. Diakses daripada <https://www.oise.utoronto.ca/cld/UserFiles/File/DAVIESeducationagainstextremism.pdf>, 8 Ogos 2016.

Ibn Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh, Dhikr Qital al-Khawarij*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah, Fi Dhikri al-Khawarij*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.j.

Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah, Fi Dhikri al-Khawarij*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

Ibn Qayyim, *A'lam al-Muwaqqi'in*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

Laurence R. Iannaccone and Eli Berman (t.t.) *Religious Extremism: The Good, The Bad, And The Deadly*, Diakses daripada <http://econweb.ucsd.edu/~elib/rex.pdf>, 5 Ogos 2016.

Marjuni, Kamal al-Din, 2011. *Nash'ah al-Firaq wa Tafarruqaha*, K.L.: IIUM Press.

Mohamad Kamil Abd Majid & Rahimin Abd Rahim, 2009. Perubahan Sosial Dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun, Jurnal Hadhari Bil. 1.

Mohd Faizal Abdul Khir, Muhammad Syahid Ahmad, Mohd. Khairul Nizam Zainan Nazri. 2015. Sustaining Tolerance According to Brenda Almond's "Education for Tolerance": An Analysis from Islamic Perspective. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)*, v. 20, Issue 8, Ver. V (Aug. 2015).

Mohd Roslan Mohd Nor, Ekstremisme Rentas Agama Dan Tamadun, dalam Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor (eds), Kefahaman Islam Semasa di Malaysia: Realiti dan Cabaran, Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia. [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00009616\\_127110.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00009616_127110.pdf), 5 Ogos 2016.

Muslim, *Sahih Muslim, Dhikr al-Khawarij wa Sifatahum*, al-Maktabah al-Shamilah 3.27.

Sotlar, Andrej, 2004. "Some Problems With Definition And Perception Of Extremism Within Society" dalam Me {ko, G., Pagon, M., Bojan Dobov {ek (Eds.), *Policing in Central and Eastern Europe–Dilemmas of Contemporary Criminal Justice*. Ljubljana, Faculty of Criminal Justice, University of Maribor.

Will Durant, 1961, *The Story of Philosophy*, New York: S and S Paperback.

T.P., Mawquf al-Sahabah min al-Khawarij. Diakses daripada <http://eldorar.net/science/article/13379> pada 5 Ogos 2016.

T.P., Kamus Dewan Online. Diakses daripada [http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=ekstrem\\_pada](http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=ekstrem_pada) 5 Ogos 2016.

T.P., Letupan Pusat Hiburan di Puchong, 28 Jun 2016. Diakses daripada <http://www.bharian.com.my/node/169241> pada 23 Ogos 2016.

T.P., Prevent Duty Guidance: for England and Wales. Diakses daripada <https://primarysite-products.s3.amazonaws.com/woodlandacademy/UploadedDocument/e892499c9e4b4ac092f6bc9c301b00ab/ExtremismAndRadicalisation.pdf>, pada 5 Ogos 2016.

T.P., Tackling Extremism in the UK. Diakses daripada [https://www.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment\\_data/file/263181/ETF\\_FINAL.pdf](https://www.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment_data/file/263181/ETF_FINAL.pdf), pada 5 Ogos 2016.